



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHVAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 MAC 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 MAC 2022 (KHAMIS)

TTPM sasar dengar 1,253 kes dalam tiga bulan

KUALA LUMPUR - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) menyasarkan menjalankan pendengaran pertama bagi 1,253 kes dalam masa tiga bulan iaitu dari Mac hingga Jun 2022.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sehingga 28 Februari lepas, sebanyak 1,247 kes daripada 2,500 kes yang tertunggak telah selesai pendengaran pertama.

"Ini penting jika satu-satu kes itu terlalu lama tidak diberi pendengaran, ia akan menjejaskan dua-dua pihak yang bermasalah (membuat tuntutan) tadi. Keadilan yang tertangguh adalah keadilan yang dinafikan, sebab itu saya menekankan kepada tribunal untuk buat yang terbaik.

"Baru-baru ini, saya berbincang dengan pihak pengurusan tribunal, saya dapati kelemahan (tribunal) adalah kekurangan pihak yang menjalankan pendengaran iaitu presiden (TTPM)... oleh itu, saya akan buat pelantikan untuk presiden kes ini," katanya di sini pada Rabu.

Tribunal berkenaan adalah platform alternatif kepada mahkamah sivil untuk pengguna memfailkan tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan dengan nilai sehingga RM50,000 dan secara purata, TTPM menjalankan 350 sehingga 400 prosiding kes sebulan di seluruh negara.

Beliau berkata lagi, kajian Kementerian mengenai tahap pemeraksanaan pengguna (CEI) pada tahun 2020 juga mendapati kesedaran pengguna di Malaysia mengenai hak dan pengetahuan masih di tahap sederhana iaitu 63.1 peratus.

Beliau berkata lagi, oleh itu, Kementerian akan terus mempertingkatkan pelaksanaan program kesedaran pengguna bagi membantu orang ramai memahami dan seterusnya mempraktikkan hak mereka sebagai pengguna yang dilindungi. -

Bernama

EXPEDITING CASES

Consumer claims tribunal aims to conduct first hearing of 1,253 cases in 3 months

KUALA LUMPUR: The Tribunal for Consumer Claims Malaysia (TPPM) has set a target to conduct the first hearing for 1,253 cases within three months, from March to June, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said up to Feb 28, 1,247 out of 2,500 cases had completed the first hearing.

"This is important. If one case takes a long time to be given a hearing, it will affect the two parties who are involved in the claim. Justice delayed is justice denied. That is why I emphasise

to the tribunal to do its best.

"In my recent discussion with the management of the tribunal, I found that one of the weaknesses (of the tribunal) is the lack of a party to conduct the hearing, namely the tribunal president. Therefore, the president will be appointed," he told reporters here yesterday.

The tribunal is an alternative platform to civil courts for consumers to file redress claims for purchases of goods and services valued up to RM50,000.

On average, TPPM conducts 350 to 400 cases a month nationwide.

Nanta also said that a study conducted by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) on the level of consumer empowerment index

in 2020 found that Malaysian consumers' awareness of rights and knowledge was still at a moderate level of 63.1 per cent.

Therefore, the ministry will continue to increase consumer awareness programmes to help the public understand and practise their rights as consumers.



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

In addition, he said that the government would consider increasing the number of controlled items in the list of the Festive Season Maximum Price Control Scheme, depending on current needs and the results of a study on the scheme conducted each festive season.

Asked about the long-term action plan to tackle online fraud cases, Nanta said the ministry was refining mechanisms to en-

sure e-commerce platform providers would be more accountable in transactions between consumers and merchants.

He said action would be taken against the relevant parties and it would be achieved through the cooperation of several ministries and agencies, including the Communications and Multimedia Commission, through existing enforcement and legal measures.

Meanwhile, he said KPDNHEP was organising the National Consumer Month (BPK) celebration nationwide for the first time this month, and various consumer awareness programmes had been lined up.

Last year's celebration was postponed due to the Covid-19 outbreak.

He said this year's BPK celebration, themed "Fair Digital Finance", focused on protection of online financial activities. **Berna-**

	SUBUH ↓ Jam	SYURUK ↓	ZUHUR ↓	ASAR ↓ Jam	MAGRIB ↓	ISTAK ↓
Melaka	6:07	7:14	1:20	4:21	7:22	8:31
Penang	6:13	7:19	1:27	4:34	7:30	8:39
K. Lumpur	6:09	7:15	1:22	4:26	7:25	8:34
Johor Baru	6:01	7:08	1:14	4:14	7:16	8:25
Kuantan	6:03	7:11	1:17	4:19	7:19	8:28
Ipoh	6:11	7:16	1:25	4:29	7:28	8:37

63 syarikat seleweng RM1 bilion subsidi minyak masak

CYBERJAYA: Isu kekurangan ketara bekalan minyak masak bersubsidi dalam paket yang sering dilaporkan media akhirnya berjaya dibongkar Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Lebih mengejutkan sebanyak 63 syarikat dikenal pasti di seluruh negara menyeleweng bantuan subsidi kerajaan itu untuk tiga tahun dengan nilai dianggarkan mencecah RM1 bilion.

Ia didedahkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd. Nizam Sairi dalam sidang akhbar khas pengumuman Operasi Bersepadu Subsidi Minyak Masak di ibu pejabat LHDN di sini, semalam.

"Berdasarkan analisis awal, kita mendapati ada wujud elemen pelarian cukai dalam kalangan syarikat itu yang perlu ditangani segera agar ketirisan hasil kerajaan dapat dibendung," katanya.

Isunya bermula apabila kerajaan melalui pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak pada 1 Jun 2007 lalu.

Inisiatif itu bagi membantu isi rumah berpendapatan B40 mendapat bekalan minyak masak di pasaran tempatan yang stabil pada harga dikawal tetap menerusi peket seberat satu kilogram.

Kementerian itu memperuntukkan subsidi RM400 juta sehingga RM600 juta setiap tahun kepada 25 pengilang dan 296 syarikat pembungkus dengan pengeluaran 60,000 tan sebulan.

Bagaimanapun, produk bersubsidi itu kerap dilaporkan tiada atau kurang di peringkat runcit selain laris mendapat permintaan tinggi di pasaran gelap dan diseludup keluar ke negara jiran.

63 syarikat dikesan seleweng subsidi minyak masak RM200j



Turut dikesan ialah kewujudan pemborong palsu bagi tujuan tuntutan subsidi sedangkan pemborong berkenaan adalah pihak syarikat itu sendiri

*Datuk Mohd Nizom Sairi,
Ketua Pegawai Eksekutif LHDN*

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengesan 63 syarikat yang terbabit dalam kegiatan penyelewengan subsidi minyak masak membabitkan cukai tidak berbayar sebanyak RM200 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Mohd Nizom Sairi, berkata ia membabitkan 44 syarikat yang kurang lapor penda-

patan, manakala 19 lagi syarikat tidak mempunyai fail cukai.

"Antara modus operandi penyelewengan subsidi minyak masak ini adalah syarikat berkenaan mendapatkan bekalan bersubsidi daripada syarikat pembekal dengan menggunakan lesen lain untuk dijual pada harga pasaran.

"Selain itu, syarikat berkenaan juga didapati mengupah pihak ketiga bagi menguruskan pemindahan minyak masak bagi tuju-

an penjualan ke luar negara dan menuntut subsidi tetapi tiada sebarang penjualan minyak masak paket.

"Turut dikesan ialah kewujudan pemborong palsu bagi tujuan tuntutan subsidi sedangkan pemborong berkenaan adalah pihak syarikat itu sendiri," katanya pada sidang media khas di sini, semalam.

Kerajaan rugi RM1b dalam tempoh 2018-2020

Dari Muka 1

Mohd Nizom berkata, kegiatan itu dikesan ketika LHDN menjalankan Operasi Subsidi Minyak Masak atau Op Saji selama tiga hari bermula Isnin lalu bagi menjalankan siasatan cukai terhadap 63 syarikat, dengan sasaran utama membabitkan kilang pembungkusan semula minyak masak bersubsidi.

Ketika Op Saji itu dijalankan, beliau berkata, pihaknya juga menemukan terdapat syarikat yang menggunakan kuota bersubsidi pihak lain serta menjualnya secara haram dan ada syarikat yang tidak melaporkan penjualan minyak bersubsidi.

Beliau berkata, semakan juga mendapati ada syarikat tidak melaporkan amaun jualan yang sepatutnya, tidak melaporkan pendapatan serta tiada fail cukai.

"Malah, terdapat juga syarikat yang menjual minyak bersubsidi kepada orang tengah sebelum ia dijual secara haram dan syarikat tidak menggunakan sepenuhnya kuota pem-

bungkusan yang diberikan, tetapi menuntut bayaran subsidi penuh," katanya.

Mengulas mengenai situasi penyelewengan subsidi minyak masak yang diperuntukkan oleh kerajaan, Mohd Nizom berkata, ada kilang yang menerima kuota subsidi berkenaan, namun tiada aktiviti pembungkusan untuk minyak berkenaan dijalankan.

"Kilang menerima kuota subsidi, tetapi tiada mesin pembungkusan minyak subsidi di premis berkenaan, kilang menerima kuota subsidi namun premis berkenaan sudah ditutup serta kilang menerima kuota subsidi tetapi kapasiti pengeluaran meragukan," katanya.

Beliau berkata, Op Saji itu dijalankan selepas terdapat beberapa pendedahan mengenai kegiatan penyelewengan berkenaan dan stok minyak masak paket yang semakin berkurangan dalam pasaran.

"Ada rungutan mengenai minyak masak subsidi ini, jadi kita dapatkan senarai syarikat yang menerima subsidi kerajaan. Sepatutnya dengan subsidi yang

dikeluarkan minyak masak bersubsidi seharusnya cukup untuk dijual di pasaran," katanya.

Sebelum ini *BH* pernah melaporkan bekalan minyak masak paket sekilogram sukar didapati di hampir seluruh negara sejak awal tahun lalu sehingga meresahkan pengguna, malah ada pekedai menghadkan penjualannya bagi mengatasi masalah bekalan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid juga dilaporkan berkata, penyelewengan minyak masak bersubsidi oleh pihak tidak bertanggungjawab antara punca masalah kekurangan minyak paket, termasuk memindahkannya ke dalam botol.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerajaan masih mengekalkan kuota minyak masak bersubsidi sebanyak 60,000 tan setiap bulan, iaitu bersamaan dengan 60 juta paket polibeg 1kg.

Baru-baru ini, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zaf-

rul Tengku Abdul Aziz berkata perbelanjaan subsidi minyak masak meningkat lebih empat kali ganda melebihi RM2 billion pada tahun lalu, berbanding hanya RM500 juta pada 2020 dan trend itu terus meningkat pada awal tahun ini.

Ditanya mengenai tindakan terhadap pihak yang mengelak cukai iaitu dari sudut melaporkan jumlah pendapatan yang kurang, Mohd Nizom berkata ia adalah kesafahan mengikut Seksyen 112 (3) dan Seksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 serta boleh dikenakan penalti sehingga 300 peratus daripada amaun cukai terkurang lapor.

"Kalau kurang lapor (pendapatan) RM1 juta, dan didapati kesalahan adalah berat dan sebagainya, maksimum penalti adalah RM3 juta, dan pembayar cukai kena bayar RM4 juta," katanya.

Menurutnya, pendapatan terkurang lapor kesan dari aktiviti penyelewengan subsidi minyak masak dianggarkan sebanyak RM1 bilion membabitkan tahun taksiran 2018 hingga 2020.

LHDN dedah 63 syarikat seleweng dana kerajaan

RM1 bilion subsidi minyak masak lesap

Oleh AMREE AHMAD

CYBERJAYA – Isu kekurangan ketara bekalan minyak masak bersubsidi dalam paket yang sering dilaporkan media akhirnya berjaya dibongkarkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Malah, lebih mengejutkan sejumlah 63 syarikat dikenal pasti di seluruh negara menyeleweng bantuan subsidi kerajaan itu untuk tiga tahun dengan nilai dianggarkan mencecah RM1 bilion.

Ia didedahkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd. Nizam Sairi pada sidang akhbar khas pengumuman Operasi Bersepadu Subsidi Minyak Masak di ibu pejabat LHDN di sini semalam.

Modus operandi penyelewengan mereka katanya, dengan mendapatkan bekalan bersubsidi dari pembekal yang menggunakan lesen syarikat lain untuk dijual pula pada harga pasaran.

Ada juga kesan mengupah pihak ketiga bagi menguruskan pemindahan minyak masak bagi tujuan penjualan ke luar negara yang lebih lumayan kerana harga runcit di sana amat mahal.

Mohd. Nizam juga mengesahkan ada syarikat didapati sengaja menuntut subsidi tetapi tiada pula sebarang aktiviti transaksi penjualan minyak masak berpeket itu di pasaran tempatan.

"Berdasarkan analisis awal, kita mendapati ada wujud elemen lari cukai dalam kalangan syarikat itu yang perlu ditangani segera agar ketirisan hasil kerajaan dapat dibendung," katanya.

Isunya bermula apabila kerajaan melalui pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melancarkan Skim Penstabilan Harga Min-



MOHD. NIZOM (kanan) bercakap pada sidang akhbar Operasi Bersepadu Subsidi Minyak Masak di Menara Hasil Cyberjaya semalam. – FAISOL MUSTAFA



KERATAN Kosmo! 20 Januari 2022.

yak Masak pada 1 Jun 2007 lalu.

Inisiatif itu bagi membantu isi rumah berpendapatan B40 mendapat bekalan minyak masak di pasaran tempatan yang stabil pada harga dikawal tetap menerusi minyak paket seberat satu kilogram.

Kementerian itu memperuntukkan subsidi RM400 juta sehingga RM600 juta pada setiap tahun kepada 25 pengilang dan 296 syarikat pembungkus de-

ngan pengeluaran 60,000 tan sebulan.

Bagaimanapun, produk bersubsidi itu kerap dilaporkan tiada atau kurang di peringkat runcit tempatan sebaliknya menerima permintaan tinggi di pasaran gelap dan diseludup keluar ke negara jiran.

Mengulas lanjut, Mohd. Nizam berkata, susulan laporan pelbagai pihak termasuk media, LHDN menggerakkan operasi jujung kali itu kerana melibatkan isu kepentingan awam.

"Seramai 412 pegawai penyiasat dari Jabatan Siasatan serta Jabatan Perisikan dan Profiling LHDN termasuk 16 cawangan seluruh negara terlibat dalam operasi bersepadu ini," katanya.

"Malah, LHDN menemui ada syarikat mewujudkan pemborong palsu bagi menuntut subsidi kerajaan walhal pemborong itu ialah syarikat tersebut sendiri," katanya dalam nada kesal.

63 SYARIKAT SELEWENG SUBSIDI MINYAK MASAK

LEMBAGA Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) mengesan sebanyak 63 syarikat disyaki menjalankan kegiatan penyelewengan subsidi minyak masak membabitkan cukai tidak berbayar sebanyak RM200 juta.

Sebanyak 19 syarikat didapati tidak mempunyai fail cukai dan 44 syarikat tidak melaporkan amaun jualan yang sepatutnya kepada LHDN.

Seleweng subsidi minyak masak

63 syarikat disyaki menjalankan kegiatan itu membabitkan cukai sebanyak RM200 juta

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

PUTRAJAYA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) mengesan sebanyak 63 syarikat disyaki menjalankan kegiatan penyelewengan subsidi minyak masak membabitkan cukai tidak dibayar sebanyak RM200 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Mohd Nizom Sairi berkata, sebanyak 19 syarikat didapati tidak mempunyai fail cukai dan 44 syarikat yang kurang lapor (tidak melaporkan amaun jualan yang sepatutnya) pendapatan.

"Kami telah menjalankan

siyasatan cukai terhadap 63 syarikat dalam operasi subsidi minyak masak (Op Saji) sejak Isnin hingga Rabu," katanya dalam sidang akhbar di sini pada Rabu.

Mohd Nizom berkata, hasil pemeriksaan sepanjang Op Saji itu, pihaknya mendapati ada syarikat menggunakan kuota minyak bersubsidi pihak lain dan menjual minyak tersebut secara haram.

"Syarikat tidak melaporkan penjualan minyak bersubsidi atau menjual minyak bersubsidi kepada orang tengah sebelum minyak tersebut dijual secara haram.

"Syarikat tidak menggunakan sepenuhnya kuota pembungkusan tetapi menuntut bayaran subsidi penuh seperti yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa," katanya.

Mohd Nizom berkata, antara modus operandi penyelewengan subsidi minyak masak adalah syarikat berkenaan mendapatkan



Mohd Nizom (tengah) ketika sidang akhbar di Putrajaya pada Rabu.

bekalan bersubsidi daripada syarikat pembekal dengan menggunakan lesen lain untuk dijual pada harga pasaran.

"Selain itu, syarikat berkenaan mengupah pihak ketiga bagi menguruskan pemindahan minyak masak itu ke luar negara

untuk dijual dan syarikat menuntut subsidi tetapi tiada sebarang penjualan minyak masak peket," katanya.

Menurutnya, Op Saji itu dijalankan selepas terdapat beberapa pendedahan mengenai kegiatan penyelewengan berkenaan

dan stok minyak masak peket yang semakin berkurangan dalam pasaran.

"Kami menganggarkan sebanyak RM200 juta cukai mampu dikutip berikutan pelaksanaan operasi ini," katanya.

Beliau berkata, sasaran utama siyasatan adalah melibatkan kilang pembungkusan semula minyak masak bersubsidi.

"Berdasarkan analisa, kami mendapati wujud elemen pelarian cukai dalam kalangan syarikat yang mendapat subsidi minyak masak yang perlu ditangani segera agar ketrisan hasil kerajaan dapat dibendung," katanya.

Menurutnya, antara faktor penyumbang kepada pendapatan terkurang lapor kepada LHDNM adalah kuota subsidi diserahkan kepada pihak ketiga yang mengakibatkan transaksi jualan tidak lengkap dan meragukan.

Katanya, pendapatan terkurang lapor kesan dari aktiviti penyelewengan subsidi minyak masak dianggarkan sebanyak RM1 bilion melibatkan tahun taksiran 2018 hingga 2020.



Cooking oil companies caught giving LHDN the slip

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The saying "nothing is certain but death and taxes" could not be more true for 63 cooking oil repacking companies after their action to under-declare income estimated at RM1bil was discovered.

Their activities were detected by tax officers who were investigating these companies suspected to have under-declared their income for assessment years from 2018 to 2020.

Inland Revenue Board (LHDN) chief executive officer Datuk Mohd Nizom Sairi said the tax evasion was detected following a special operation carried out on companies which were suspected to have abused cooking oil subsidies.

"As a result of this operation, we have estimated that RM200mil in taxes could have been collected from these companies that under-declared their income," he said at a press conference yesterday.

During the operation codenamed *Ops Saji*, 44 had under-declared their taxes, while 19 did not even have tax files.

Mohd Nizom said this was the first time that LHDN had carried out a targeted operation on companies receiving government subsidies for cooking oil, adding that an investigation was carried out following public complaints over lack of packet cooking oil supplies.

"From the amount of subsidies allocated by the government, the packet cooking oil should be of a certain amount but there was a shortage," he added.

The government has allocated about RM400mil to RM600mil in subsidies for cooking oil annually.

The LHDN discovered that the modus operandi of the culprits included hiring third parties to manage the transfer of cooking oil to be sold out of the country.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.90
• Daging Lembu Tempatan	RM45
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Gred A	RM12.60
• Ikan Kembung	RM15.00
• Minyak Masak	RM6.60
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM4.00
• Bawang Putih	RM9.00
• Cili Merah	RM11.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



New fuel prices
March 24 – March 30

RON95	RON97	Diesel
RM2.05 (unchanged)	RM3.83 (-17 sen)	RM2.15 (unchanged)

The graphic features a red circular icon of a fuel nozzle on the left. The text is arranged in a clean, modern layout with bold red and black fonts. The price changes are clearly indicated with '(unchanged)' or '(-17 sen)'.